



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
CAWANGAN SABAH

Wisma PUSPANITA, Jalan Murai, Tanjung Aru,
Peti Surat No. 15311, 88863 KOTA KINABALU.
Tel.: 088-235266/235267 Faks: 088-241266

Rujukan : PCS/PS/100-17/002 Klt.46/(100)

Tarikh : 18 Disember 2018

Semua Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah dan Daerah Kecil

(Senarai Edaran Seperti Di Lampiran)

Yang Berbahagia Datin / Puan

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36 PUSPANITA CAWANGAN SABAH

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa PUSPANITA Cawangan Sabah akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 25 Januari 2019 (Jumaat)
Masa : 07.00 pagi – 01.00 petang
Tempat : Dewan Bankuasi
Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah
Kota Kinabalu
Pakaian : Seragam PUSPANITA
(Tag Nama, Kasut Hitam Bertutup, Tudung /
Selendang Kuning dan Beg Tangan Hitam)

3. Yang Berbahagia Datin /Puan dipohon mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang disenaraikan dalam **Lampiran I** yang disertakan bersama pekeliling ini.

4. Setiap Perwakilan Cawangan berhak menghadiri dan bercakap dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan Negeri. Bagi memudahkan penyediaan daftar senarai kehadiran untuk mesyuarat tersebut, kerjasama Yang Berbahagia Datin / Puan amat dihargai supaya menghantar Borang pengesahan kehadiran selewat-lewatnya pada **11 Januari 2019 (Jumaat)**. **Cawangan Daerah/Daerah Kecil yang lewat menghantar pengesahan kehadiran pada tarikh yang ditetapkan tidak akan disenaraikan dalam daftar kehadiran.**

...2/-

Rujukan : PCS/PS/100-17/002 Klt.46/(100)

Tarikh : 18 Disember 2018

5. Semua perbelanjaan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 adalah tanggungjawab ahli sendiri atau Cawangan Daerah/Daerah Kecil masing-masing. PUSPANITA Cawangan Negeri akan membiayai perbelanjaan pengangkutan bagi dua (2) orang wakil Cawangan Daerah/ Daerah Kecil sahaja.

6. Permohonan Cuti Tanpa Rekod untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini bolehlah dirujuk di bawah peraturan 182 Bahagian IV, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Negeri dan Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran Bab C Perkara 41 bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH ”
“ WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT ”

Saya yang menurut perintah,



(SHARIFFAH AZNOOR HAJI JAP)

Setiausaha

PUSPANITA Cawangan Sabah

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

s.k. Pengerusi
PUSPANITA Cawangan Sabah
Wisma PUSPANITA, Jalan Murai, Tanjung Aru
88863 KOTA KINABALU

s.k. Bendahari PUSPANITA Cawangan Sabah

s.k. Semua Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Daerah dan Daerah Kecil
(Senarai Agihan Seperti Di Lampiran 2)

**SENARAI SEMAK BAGI PERSEDIAAN MESYUARAT AGUNG
PUSPANITA CAWANGAN SABAH KE-36 TAHUN 2019**

Bil.	Perkara	Tarikh Akhir Penerimaan Oleh Urus Setia/ Setiausaha	Lampiran/ Tindakan
1.	Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 PUSPANITA Cawangan Sabah Tahun 2019		Lampiran A
2.	Atur Cara Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 PUSPANITA Cawangan Sabah Tahun 2019		Lampiran B
3.	<p><u>Mesyuarat Agung Cawangan Daerah dan Daerah Kecil</u></p> <p>Cawangan Daerah dan Daerah Kecil hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan sebelum 08 Januari 2019 (Selasa).</p> <p>* Mesyuarat Agung Cawangan Daerah dan Daerah Kecil hendaklah diadakan dalam bulan Januari 2019.</p>	Sebelum 08 Januari 2019 (Selasa)	
4.	<p><u>Perwakilan dan Pemerhati</u></p> <p>Seramai lima (5) orang perwakilan serta dua puluh (20) orang pemerhati adalah dijemput dari setiap Cawangan Daerah dan Daerah Kecil. Pengesahan kehadiran perwakilan dan pemerhati hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Urus Setia PUSPANITA (u.p. Puan Judy Ann Engku) selewat-lewatnya pada 11 Januari 2019 (Jumaat)</p>	Selewat-lewatnya pada 11 Januari 2019 (Jumaat)	Lampiran C

Bil.	Perkara	Tarikh Akhir Penerimaan Oleh Urus Setia/ Setiausaha	Lampiran/ Tindakan
5.	<p><u>Penyata Tahunan</u></p> <p>Penyata Tahunan Cawangan Daerah/Daerah Kecil hendaklah dikemukakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan masing-masing kepada Setiausaha PUSPANITA dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengisi Borang 9 (Peraturan 10), Akta Pertubuhan 1966. (2 salinan) ii. Borang Senarai Ahli Jawatankuasa Cawangan Daerah/Daerah Kecil 2019. (2 salinan) iii. Minit Mesyuarat Agung Tahunan 2019 (yang telah disahkan). (2 salinan) iv. Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2018 yang telah diaudit. (2 salinan) <p>Pastikan setiap dokumen disahkan oleh Pengerusi dan Setiausaha serta lengkap dengan tandatangan. Setiap salinan Penyata Kewangan ditandatangani asal oleh Pengerusi, Bendahari dan Pemeriksa Kira-Kira.</p> <p>Penyata Tahunan juga perlu dikemukakan secara online melalui sistem eROSES selewat-lewatnya pada 25 Januari 2019 (Jumaat).</p>	<p>Selewat-lewatnya pada 25 Januari 2019 (Jumaat).</p>	
6.	<p><u>Usul-Usul</u></p> <p>Usul-usul untuk perbincangan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha PUSPANITA. Usul-usul yang dikemukakan oleh Cawangan Daerah/Daerah Kecil telah dibentang dan diterima dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan masing-masing.</p>	<p>14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Sabah</p> <p>- 11 Januari 2019 (Jumaat)</p>	Lampiran D



**AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36
PUSPANITA CAWANGAN SABAH**

1. Pelantikan Pengerusi Mesyuarat.
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-35.
3. Menerima Laporan Tahunan bagi Tahun 2018.
4. Menerima Laporan Kewangan dan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
5. Melantik Juruaudit Bertauliah bagi Urusan Audit Tahun 2019.
6. Meluluskan Perbelanjaan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Sabah Ke-37 Tahun 2020.
7. Pembubaran Ahli Jawatankuasa Sesi 2017-2019
8. Pemilihan Ahli Jawatankuasa Sesi 2019-2021
 - 8.1 Penolong Setiausaha
 - 8.2 Penolong Bendahari
 - 8.3 8 orang Ahli Jawatankuasa Biasa
 - 8.4 Melantik dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira
 - 8.5 Melantik dua (2) orang Pemegang Amanah
9. Memilih lapan (8) orang wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA (MAP) Yang Ke-37.
10. Membincangkan usul-usul yang diterima oleh Setiausaha.
11. Penangguhan Mesyuarat.

ATUR CARA
MAJLIS PERASMIAN DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36
PUSPANITA CAWANGAN SABAH TAHUN 2019
PADA 25 JANUARI 2019 (JUMAAT)
DEWAN BANKUASI, BANGUNAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

MASA	ACARA
06.30 pagi	- Ketibaan Ahli Jawatankuasa Pelaksana
07.00 pagi	- Pendaftaran Perwakilan dan Pemerhati
08.00 pagi	- Ketibaan Dif-dif Undangan
08.30 pagi	- Ketibaan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima A'zah binti Ismail, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah
08.40 pagi	- Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hashim bin Paijan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
	- Sesi Bergambar
08.50 pagi	- Nyanyian Lagu Negaraku dan Sabah Tanah Airku
08.55 pagi	- Koir
09.00 pagi	- Montaj
09.05 pagi	- Ucapan Alu-aluan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima A'zah binti Ismail, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah
09.15 pagi	- Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hashim bin Paijan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
	- Upacara Memotong Kek Sempena Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36
	- Penyampaian Sijil Penghargaan
	- Penyampaian Cenderakenangan
09.35 pagi	- Jamuan
10.20 pagi	- Perwakilan dan Pemerhati mengambil tempat
10.40 pagi	- Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 dimulakan
1.00 petang	- Penangguhan Mesyuarat

Lampiran C

Rujukan :
Tarikh :

Urus Setia
PUSPANITA Cawangan Sabah
Wisma PUSPANITA, Jalan Murai
88863 KOTA KINABALU

Puan

BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36 TAHUN 2019 PUSPANITA CAWANGAN SABAH

Sukacita saya merujuk perkara di atas dan memaklumkan perwakilan/pemerhati/ahli-ahli yang akan hadir ke mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan	*Perwakilan/Pemerhati/Ahli
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
11			
12			
13			
14			
15			
16			
17			
18			
19			
20			
21			
22			
23			
24			
25			

(_____)

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah/ Daerah Kecil _____

NOTA :

1. Kembalikan borang pengesahan sebelum atau pada **11 Januari 2019 (Jumaat)** kepada Pejabat Urus Setia PUSPANITA (No. Faks: 088-241266/emel: JudyAnn.Engku@sabah.gov.my).



Rujukan :
Tarikh :

Setiausaha
PUSPANITA Cawangan Sabah
Wisma PUSPANITA, Jalan Murai
Peti Surat 15311
88863 KOTA KINABALU

Puan

USUL MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36 PUSPANITA CAWANGAN SABAH

Sukacita saya merujuk perkara di atas dan mengemukakan usul berikut:-

1.1

.....

.....

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama Ahli :

Nombor Keahlian PUSPANITA :

Nombor Kad Pengenalan :

*AJK Induk PUSPANITA/Ahli Kementerian/Jabatan/Agensi

NOTA :

1. Dikemukakan kepada Setiausaha PUSPANITA sebelum atau pada **11 Januari 2019 (Jumaat)**.

TINDAKAN PEJABAT URUS SETIA PUSPANITA

Tarikh terima usul :

Daripada :